

**KAJIAN PEMAHAMAN DAN PELAKSANAAN IBADAT SOLAT FARDU
DALAM KALANGAN PELAJAR DI KOLEJ KOMUNITI BANDAR PENAWAR
DAN KOLEJ KOMUNITI CAWANGAN GELANG PATAH**

Hasna Bidin¹ & Mohd Nazari Khalid @ Abu Samah²

ABSTRACT

E-JITU

Acceptance date:
15th Oct 2020

Valuation date:
15th Nov 2020

Publication date:
15th Dec 2020

This study is aimed to find out the extent of understanding and implementation of Solat among students at Bandar Penawar Community College (KKBP) and Gelang Patah Branch Community College (KKcGP). Researchers have used the survey form as a research instrument. A set of questionnaires consisting of 17 items were distributed to respondents comprising students from the Information Technology Certificate (KKcGP), Building Maintenance Certificate, Business Operation Certificate and Construction Technology Certificate at KKBP. The data obtained were analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 20.0 to see descriptive statistics. This study has four scopes of study, namely demography, students' understanding of fardu solat, the implementation of fardu solat and key factors that influence students not to perform fardu solat. Respondents in this study were Muslim students at Bandar Penawar Community College and Gelang Patah Branch Community College randomly selected as sample of the study. In this study, the researcher used questionnaire as a research instrument. The results of the analysis show that the respondents' understanding of the fardu solat is satisfactory. However, the level of student performance in performing the fardu solat is low. Therefore, researchers hope that lecturers will increase their motivation and cooperation to guide the students in addition to providing camp-based activities, courses and programs to strengthen and enhance the solat to enhance the level of understanding and implementation of fardu Solat in their daily lives.

Keywords: Thought, Understanding, Solat Fardu, Ibadat, Muslim

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui sejauh mana kefahaman dan pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar di Kolej Komuniti Bandar Penawar (KKBP) dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah (KKcGP). Penyelidik telah menggunakan borang kaji selidik sebagai instrumen kajian. Satu set soal selidik yang mengandungi 17 item telah diedarkan kepada responden yang terdiri daripada pelajar yang pengambil bidang Sijil Teknologi Maklumat (KKcGP), Sijil penyelenggaraan Bangunan, Sijil Pengoperasian

¹Senior lecturer of Bandar Penawar Community College. hasnabinbidin@yahoo.com

Perniagaan dan Sijil Teknologi Pembinaan di KKBP. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian “Statistical Package for Social Sciences” (SPSS) versi 20.0 untuk melihat statistik deskriptif. Kajian ini mempunyai empat skop kajian iaitu demografi, pemahaman pelajar tentang solat fardu, pelaksanaan solat fardu dan faktor-faktor utama yang mempengaruhi pelajar untuk tidak melaksanakan solat fardu. Responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar Muslim di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah yang dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Hasil analisis menunjukkan bahawa kefahaman responden tentang solat fardu adalah memuaskan. Namun, tahap pelaksanaan pelajar dalam menunaikan solat fardu adalah rendah. Oleh itu, harapan pengkaji agar para pensyarah meningkatkan daya usaha dan kerjasama bagi membimbing pelajar-pelajar disamping menyediakan aktiviti-aktiviti berbentuk kem, kursus dan program pemantapan dan penghayatan solat bagi meningkatkan tahap kefahaman dan pelaksanaan solat fardu dalam kehidupan mereka seharian.

Kata kunci: Pemahaman, Pelaksanaan, Solat Fardu, Ibadat, Muslim.

PENGENALAN

Solat adalah merupakan asas dan tiang dalam agama Islam yang merupakan rukun Islam yang kedua. Adalah menjadi satu tanggungjawab dan kewajipan bagi setiap individu Muslim untuk menegakkan dan mendirikan solat yang telah diperintahkan Allah S.W.T setiap hari sebanyak lima waktu. Mengenai solat fardhu lima waktu sudah diperjelaskan oleh Allah SWT tentang kepentingannya hingga diumpamakan sebagai tiang agama dan ibu segala amalan. Hal ini bermaksud tanpa amalan solat, maka kebajikan yang lain tiada nilai disisi Allah SWT dan segala kebajikan yang dilakukan tidak diterima oleh Allah SWT berdasarkan hadis Rasulullah SAW menyokong perkara ini iaitu hadis yang diriwayatkan oleh al-Thabrani daripada Anas bin Malik RA, iaitu (Thabarani, tt:1859) yang berbunyi :

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَوَّلُ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الصَّلَاةُ فَإِنْ صَلَحَتْ صَلَحَ لَهُ سَائِرُ عَمَلِهِ وَإِنْ فَسَدَتْ فَسَدَ سَائِرُ عَمَلِهِ

Maksudnya: Dari Anas bin Malik RA, katanya; Rasulullah SAW bersabda: “Yang pertama sekali dihisab atas seorang hamba dihari qiamat nanti ialah solat, maka jika baik solatnya nescaya baiklah amalan lainnya dan jika rosak solatnya, maka binasalah amal-amal yang lain.”

(Riwayat Thabarani)

Oleh itu, kewajipan solat adalah merupakan asas dan tiang agama yang mesti ditunaikan oleh setiap individu Muslim untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT dan merupakan rukun Islam kedua terpenting selepas mengucap dua kalimah syahadah (Mohd Nazir,2013:14). Disamping itu, hukuman mana-mana Muslim yang meninggalkan solat

fardhu dengan menganggapnya tidak wajib boleh menyebabkan murtad tanpa khilaf dikalangan para ulama' (Al-Syarbini,1994:612). Sebaliknya jika meninggalkannya disebabkan malas, maka pihak pemerintah mestilah menyuruhnya bertaubat dalam tempoh tiga hari dan jika enggan berbuat demikian hendaklah dibunuh dengan dipancung lehernya. Matinya masih dianggap Muslim dan diuruskan sebagaimana Muslim yang lain dengan dimandikan, dikafankan, disembahyangkan dan dikebumikan diperkuburan orang-orang Islam (Mohd Amin Al-Kurdi,2004:20).

Oleh yang demikian, masyarakat Islam perlu sedar akan kewajipan solat fardhu dan perlu memahaminya dan mempelajari solat fardhu dari semasa ke semasa agar pelaksanaannya lebih betul dan menepati ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Disamping itu, setiap Muslim juga perlu sentiasa mendidik dan menasihati ahli keluarganya, anggota masyarakatnya dan rakan-rakannya agar mereka sentiasa mengambil berat tentang kewajipan dan pelaksanaan solat fardhu. Tidak lupa juga kepada para pendidik sama ada guru-guru dan para pensyarah juga perlu menitikberatkan tentang pemahaman dan pelaksanaan solat fardhu kepada seluruh anak murid dan pelajar-pelajar agar mereka sentiasa menjaga dan mengutamakan solat di dalam kehidupan mereka seharian.

PERNYATAAN MASALAH

Sejak akhir-akhir ini, terdapat keluhan dari pensyarah tentang masalah disiplin pelajar terutamanya masalah solat dari segi pelaksanaannya. Ramai dikalangan pelajar yang memandang remeh tentang solat dan meninggalkannya bahkan ada sesetengah mereka yang jahil dan tidak tahu bersolat. Apabila dilakukan pemantauan tentang tahap kefahaman pelajar tentang solat, didapati ada pelajar yang tidak tahu langsung berkenaan solat dari segi bacaan dan perbuatan solat. Hal ini menjadi satu fenomena yang menyayat hati masyarakat Islam sekiranya wujud generasi muda yang jahil tentang solat dan jauh dari penghayatan agama kerana ia boleh membawa kepada runtuhnya akhlak muda-mudi yang merupakan pengemudi masyarakat pada masa akan datang. Maka kajian tentang pelaksanaan dan kefahaman solat dalam kalangan pelajar-pelajar di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah ini mesti dilakukan bagi memastikan pelajar-pelajar ini tidak kecundang dalam mendepani cabaran globalisasi dan keruntuhan nilai dan moral yang semakin parah.

Hasil dapatan dari kajian ini boleh membantu para pensyarah mengenalpasti pemahaman pelajar tentang solat, pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar untuk tidak menunaikan solat seterusnya melakukan pemantauan, penambahbaikan dan mengadakan aktiviti-aktiviti berbentuk kem, program dan kursus bagi membimbing dan membantu pelajar-pelajar di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah untuk meningkatkan kefahaman, pelaksanaan dan penghayatan mereka terhadap solat fardhu dengan lebih baik lagi bagi menjadikan mereka insan yang seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi dan intelektual selaras dengan matlamat falsafah pendidikan Negara.

TUJUAN / OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk

- i. Mengetahui pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar Sijil di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah
- ii. Mengetahui kefahaman pelajar-pelajar ini tentang solat fardu
- iii. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar tidak menunaikan solat fardhu

KONSEP SOLAT**Pengertian Solat**

Solat merupakan jalan pengabdian yang sebenarnya kepada Allah SWT. Solat juga merupakan satu tuntutan yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu Muslim yang *mukallaf* walau dalam apa jua keadaan dan situasi sekalipun seperti sakit, uzur, musafir dan peperangan. Hal ini menunjukkan betapa mulia dan tingginya martabat ibadat solat itu sendiri disisi Allah SWT. Perintah solat yang keatas setiap Muslim wajib dilaksanakan dalam kehidupan mereka seharian sejak mencapai umur baligh sehinggalah tibanya ajal sebagaimana ditegaskan oleh Allah SWT dalam surah al- Hijr ayat 99 yang berbunyi:

وَأَعْبُدْ رَبَّكَ حَتَّىٰ يَأْتِيَكَ الْيَقِينُ

Maksudnya: Dan sembahlah tuhanmu, sehingga datang kepadamu (perkara yang tetap) yakin (kematian)

(Surah *al- Hijr*, 15: 99)

Erti Mendirikan Solat

Dalam amalan solat ini juga terkandung pelbagai hikmah yang tersurat mahupun tersirat yang akan diperolehi oleh setiap individu yang menunaikannya selain sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT. Seseorang yang mendirikan solat dengan menyempurnakan segala syarat sah dan rukun solat dengan tertib bermula dari mengambil wuduk sehingga selesai berdoa disamping menghayati amalan solat dengan penuh khusyuk dan tawaduk di hadapan Allah SWT akan merasai ketenangan jiwa, mencapai kejayaan didunia dan akhirat serta dapat menjauhkan diri dari perbuatan keji dan mungkar.

Mendirikan solat ialah menjaga waktunya seperti yang telah ditetapkan, menyempurnakan wuduknya dan melaksanakannya dengan sempurna di dalam berdiri, rukuk, iktidal, sujud, duduk di antara dua sujud, duduk tasyahhud, zikir, doa, khusyuk, hadir hati, takut dan di dalam segala adabnya (Abu Muhammad Izzuddin,1996:16-17). Mengerjakan solat bermakna mengerjakannya secara paling sempurna dan terbaik sehingga

mendapat kesan daripadanya. Allah SWT telah memerintahkan kita mendirikan solat, bukan sekadar bersolat tetapi tidak ada kesan pada sahsiah dan perilaku seharian. Mendirikan solat ialah melakukan kaifiat yang telah diterangkan syarak dengan sebaik-baiknya dengan mencontohi Sunnah Rasulullah SAW disertai khushyuk dan memahami maknanya serta bersungguh- sungguh menghadapkan diri kepada Allah SWT disamping ikhlas kepadanya.

Dalil-Dalil Kewajipan Solat

Di dalam Al-Quran terdapat banyak dalil-dalil yang membuktikan tentang kewajipan solat antaranya firman Allah SWT yang berbunyi:

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْفُوتًا

Maksudnya: Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang –orang yang beriman, yang tertentu waktunya

(Surah al- Nisa', 4: 103)

Terdapat juga firman Allah SWT yang berbunyi:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ

Maksudnya: Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat; dan ruku'lah kamu semua (berjama'ah) bersama- sama orang-orang yang rukuk "

(Surah al- Baqarah, 2: 43)

Mendirikan solat ialah mengerjakan segala kewajipan- kewajibannya atau tetap memelihara waktunya dengan menyempurnakan wudhu', ruku' dan sujudnya (Abu Muhammad Izzuddin, 1996: 16 -17). Kesimpulannya dapat difahami bahawa solat fardu diwajibkan mengikut masa dan waktu yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Maka menjadi kewajipan setiap Muslim untuk memelihara solat fardu dan ditunaikan pada waktu-waktunya yang telah ditetapkan oleh Allah SWT (Dr 'Amir Abdul 'Aziz, 2000: 797-798).

Dari Abdullah bin Umar ra, Rasulullah SAW bersabda yang berbunyi:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَالْحَجِّ وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Maksudnya: Dari Ibn Umar ra, katanya: Rasulullah SAW bersabda: Islam itu dibina dan ditegakkan diatas lima asas iaitu mengucap dua kalimah syahadah (dengan meyakini serta menerangkan kebenaran bahawa sesungguhnya tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah SWT dan bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad SAW ialah pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, memberi zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitullah.

(Riwayat Bukhari)

Kesimpulan yang dapat diambil daripada hadis di atas ialah iman itu bermula keyakinan, pengakuan dan amal soleh seperti solat, zakat, puasa dan haji. Dari itu, jika dilihat dalam turutan amalan-amalan Islam yang dikategorikan ibadah menunjukkan bahawa solat adalah ibadah yang paling utama dan menjadi asas dalam Islam (Ibn Hajar al-Asqalani, 1997: 83).

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu kajian berbentuk deskriptif. Penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Majid Konting, 2004:18). Tujuan penyelidik menjalankan kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana kefahaman pelajar sijil di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah terhadap ibadah solat fardu. Selain itu penyelidikan ini dijalankan untuk mengetahui pelaksanaan solat fardhu dan faktor-faktor utama yang mempengaruhi pelajar untuk tidak menunaikan solat fardu. Penyelidik cuba untuk mendapatkan maklumat dan data mengenai perkara diatas melalui sampel yang diperolehi daripada responden.

Populasi dan Sampel Kajian

Dalam kajian ini, populasi kajian melibatkan pelajar Sijil Penyelenggaraan Bangunan, Sijil Teknologi Pembinaan dan Sijil Pengoperasian Perniagaan di Kolej Komuniti Bandar Penawar serta Sijil Teknologi Maklumat di Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah yang dipilih secara rawak seramai 30 orang sahaja sebagai sampel kajian.

Instrumen Kajian

Kajian yang dijalankan ini juga merupakan satu kajian tinjauan yang melibatkan pengumpulan maklumat daripada responden melalui borang soal selidik. Soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan yang lain sebagainya (Mohd Najib, 1999:88). Borang soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, B, C dan D. Bahagian A berkaitan maklumat demografi, bahagian B berkaitan pelaksanaan solat fardu, bahagian C berkaitan kefahaman tentang solat fardu manakala bahagian D adalah berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar tidak menunaikan solat fardu.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian bahawa responden terdiri daripada 14 orang pelajar lelaki iaitu mewakili 46.7 peratus dan 16 orang pelajar perempuan mewakili 53.3 daripada

keseluruhan kajian. Jumlah responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini ialah seramai 30 orang. Jadual 1 menerangkan tentang taburan responden berdasarkan jantina.

Jadual 1: Taburan responden berdasarkan jantina

| Jantina | Bilangan | Peratus |
|----------------|-----------------|----------------|
| Lelaki | 14 | 46.7 |
| Perempuan | 16 | 53.3 |
| Jumlah | 30 | 100.0 |

Berdasarkan dapatan kajian bahawa responden yang berumur 18 tahun keatas seramai 27 orang iaitu mewakili 90.0 peratus manakala responden yang berumur 21 tahun keatas seramai 3 orang sahaja iaitu mewakili 10.0 peratus. Jadual 2 menerangkan tentang taburan responden berdasarkan umur.

Jadual 2: Taburan responden berdasarkan umur

| Umur | Bilangan | Peratus |
|-----------------|-----------------|----------------|
| 18 tahun keatas | 27 | 90.0 |
| 21 tahun keatas | 3 | 10.0 |
| Jumlah | 30 | 100.0 |

Berdasarkan dapatan kajian bahawa responden dari kelas Sijil Teknologi Maklumat (KKcGP) adalah seramai 11 orang iaitu mewakili 36.7 peratus, Sijil Penyelenggaraan Bangunan (KKBP) adalah seramai 10 orang iaitu sebanyak 33.3 peratus, Sijil Pengoperasian Perniagaan (KKBP) seramai 4 orang iaitu sebanyak 13.3 peratus dan Sijil Teknologi Pembinaan (KKBP) seramai 5 orang iaitu sebanyak 16.7 peratus. Jadual 3 menerangkan tentang taburan responden berdasarkan kelas.

Jadual 3: Taburan responden berdasarkan kelas

| Senarai Kelas | Bil. | Peratus |
|---------------------------------------|-------------|----------------|
| Sijil Teknologi Maklumat (KKcGP) | 11 | 36.7 |
| Sijil Penyelenggaraan Bangunan (KKBP) | 10 | 33.3 |
| Sijil Pengoperasian Perniagaan (KKBP) | 4 | 13.3 |
| Sijil Teknologi Pembinaan (KKBP) | 5 | 16.7 |
| Jumlah | 30 | 100.0 |

Pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar Sijil bagi program di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah

Berdasarkan dapatan kajian bahawa maklumbalas responden terhadap pelaksanaan solat fardu dalam kehidupan mereka seharian bagi solat subuh, zohor, asar, maghrib dan isyak adalah keseluruhannya berada dalam situasi kadang-kadang. Jumlah responden yang berada dalam situasi tersebut bagi solat subuh adalah seramai 22 orang, solat zohor seramai 23 orang, solat asar seramai 25 orang, solat maghrib seramai 18 orang dan solat isyak seramai 20 orang. Jadual 4 menerangkan tentang maklumbalas tersebut.

Jadual 4: Pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar Sijil bagi program di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah

| | Perkara | Ya | % | Kadang-kadang | % | Tidak | % |
|---|---|-----------|----------|----------------------|----------|--------------|----------|
| 1 | Saya menunaikan solat subuh 4 setiap hari | | 13.3 | 22 | 73.3 | 4 | 13.3 |
| 2 | Saya menunaikan solat zohor 5 setiap hari | | 16.7 | 23 | 76.7 | 2 | 6.7 |
| 3 | Saya menunaikan solat asar 3 setiap hari | | 10.0 | 25 | 83.3 | 2 | 6.7 |
| 4 | Saya menunaikan solat maghrib setiap hari | 12 | 40.0 | 18 | 60.0 | 0 | 0 |
| 5 | Saya menunaikan solat isya' 7 setiap hari | | 23.3 | 20 | 66.7 | 3 | 10.0 |

Kefahaman solat fardu dalam kalangan pelajar pelajar sijil bagi program di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah

Berdasarkan dapatan kajian bahawa jumlah responden yang menjawab dengan betul bagi soalan 1 adalah seramai 30 orang iaitu sebanyak 100 peratus. Bagi soalan 2 adalah seramai 22 orang iaitu mewakili 73.3 peratus, soalan 3 seramai 10 orang iaitu mewakili 33.3 peratus, soalan 4 seramai 29 orang iaitu mewakili 96.7 peratus, soalan 5 seramai 17 orang iaitu mewakili 56.7 dan soalan 6 seramai 20 orang mewakili 66.7 peratus. Jadual 5 menerangkan tentang maklumbalas jawapan tersebut.

Jadual 5: Kefahaman solat fardu dikalangan pelajar sijil bagi program di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah

| Bil | Perkara | Betul | % | Tidak Pasti | % | Salah | % |
|-----|--|-------|-------|-------------|------|-------|------|
| 1 | Solat fardu adalah wajib dilaksanakan oleh setiap orang islam. | 30 | 100.0 | 0 | 0.0 | 0 | 0.0 |
| 2 | Solat fardu mempunyai 13 rukun dalam solat | 22 | 73.3 | 8 | 26.7 | 0 | 0.0 |
| 3 | Membaca doa Qunut dalam solat subuh adalah wajib | 13 | 43.3 | 7 | 23.3 | 10 | 33.3 |
| 4 | Solat dimulakan dengan niat dan diakhiri dengan salam | 29 | 96.7 | 1 | 3.3 | 0 | 0.0 |
| 5 | Bacaan Al-Fatihah adalah sunat dalam solat | 10 | 33.3 | 3 | 10.0 | 17 | 56.7 |
| 6 | Solat Zohor dan Asar tidak boleh dijamak (himpun) ketika musafir | 2 | 6.7 | 8 | 26.7 | 20 | 66.7 |

Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar Sijil bagi program di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah untuk tidak bersolat

Berdasarkan dapatan kajian bahawa maklumbalas responden mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi mereka untuk tidak bersolat fardu bagi soalan 1 ialah seramai 25 orang iaitu jumlah tertinggi mewakili 83.3 peratus yang setuju menjawab malas. Bagi soalan 2, jumlah tertinggi responden adalah yang menjawab tidak setuju mengatakan tidak tahu solat

seramai 18 orang yang mewakili 60.0 peratus. Bagi soalan 3, jumlah tertinggi responden iaitu seramai 11 orang mewakili

36.7 peratus yang menjawab setuju mengatakan lemah bacaan dalam solat. Bagi soalan 4, jumlah tertinggi responden iaitu seramai 16 orang mewakili 53.3 peratus menjawab tidak setuju jika dikatakan keluarga mereka tidak mengambil berat tentang solat. Manakala soalan 5, jumlah teramai responden ialah yang menjawab setuju dan tidak pasti jika dikatakan rakan-rakan menjadi faktor mereka tidak bersolat. Jumlah responden bagi kedua-dua jawapan ini adalah masing-masing seramai 12 orang iaitu mewakili 40.0 peratus. Bagi soalan 6, jumlah tertinggi responden adalah yang menjawab setuju bahawa sibuk dengan urusan harian menjadi faktor untuk tidak bersolat seramai 15 orang yang mewakili 50.0 peratus. Jadual 6 menerangkan tentang maklumbalas jawapan tersebut.

Jadual 6: Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar sijil bagi program di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah untuk tidak bersolat

| Bil | Perkara | Setuju | % | Tidak Pasti | % | Tidak Setuju | % |
|------------|--|---------------|----------|--------------------|----------|---------------------|----------|
| 1 | Sikap malas walaupun tahu hukum meninggalkan solat | 25 | 83.3 | 2 | 6.7 | 3 | 10.0 |
| 2 | Tidak tahu menunaikan solat dengan sempurna | 7 | 23.3 | 5 | 16.7 | 18 | 60.0 |
| 3 | Lemah bacaan dalam solat | 11 | 36.7 | 9 | 30.0 | 10 | 33.3 |
| 4 | Keluarga tidak mengambil berat tentang solat | 8 | 26.7 | 6 | 20.0 | 16 | 53.3 |
| 5 | Rakan-rakan tidak menunaikan solat | 12 | 40.0 | 12 | 40.0 | 6 | 20.0 |
| 6 | Sibuk dengan urusan harian / tugas sampingan | 15 | 50.0 | 8 | 26.7 | 7 | 23.3 |

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**Pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar dalam kalangan pelajar Sijil bagi program di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah**

Berdasarkan dapatan pengkaji bahawa pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar Sijil bagi program di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah berada dalam keadaan yang lemah kerana jumlah dan peratusan responden yang menjawab bahawa mereka hanya kadang-kadang menunaikan solat fardu membuktikan berlakunya keadaan tersebut. Kajian ini disokong oleh kajian lain yang dijalankan di Politeknik Kuching, Sarawak yang mendapati bahawa tahap pengamalan solat fardhu dalam kalangan pelajar adalah masih lemah dan mendukacitakan (Sharifah,2010:10).

Secara keseluruhan dapatan kajian pada bahagian ini menjelaskan bahawa responden kurang menitikberatkan dalam melaksanakan solat yang difardhukan keatas mereka. Kekerapan pelaksanaan solat di kalangan pelajar berkait rapat dengan masa lapang berdasarkan gaya hidup. Mereka menganggap solat hanya perlu dilakukan oleh golongan tua sahaja bukan kepada golongan sepertinya yang kesemuanya dalam lingkungan umur 18 – 21 tahun.

Kefahaman solat fardu dalam kalangan pelajar Sijil bagi program di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah

Berdasarkan dapatan pengkaji bahawa pemahaman pelajar berkaitan solat fardu berada dalam keadaan yang memuaskan. Hal ini dibuktikan dengan jumlah dan peratusan yang tinggi pada jawapan yang betul bagi soalan 1, 2 dan 4. Manakala soalan 5 dan 6 mencatat jumlah dan peratusan yang sederhana bagi jawapan yang betul. Cumanya bagi soalan 3 sahaja yang mencatat jumlah dan peratusan yang lemah bagi yang menjawab dengan betul.

Fenomena ini menggambarkan bahawa para pelajar secara umum mengetahui dan faham akan perintah kewajipan solat namun mereka masih belum ada kesedaran untuk melaksanakan ibadah ini dan tidak mampu menghayati peranan seorang hamba kepada Penciptanya. Seringkali kita dapat melihat seseorang individu menguasai sesuatu ilmu dan boleh dikatakan arif namun tidak mampu melaksanakan ilmu tersebut. Terlalu banyak faktor yang menyebabkan situasi ini berlaku termasuk kekangan dan halangan samada dari segi fizikal atau sosiobudaya yang mempengaruhi individu tersebut. Dapatan di atas juga memperlihatkan bahawa peratusan pelajar yang tahu tentang hukum bacaan qunut dalam solat subuh adalah lemah dan mendukacitakan kerana mereka masih tidak dapat membezakan di antara rukun dan sunat dalam solat. Maklumbalas yang diberikan oleh para pelajar dibimbangi akan mempengaruhi tingkahlaku mereka untuk meninggalkan solat subuh kerana beranggapan bahawa bacaan qunut itu wajib atau rukun yang akan menyebabkan solat menjadi batal apabila ditinggalkan. Hasil dari kegagalan atau kealpaan menghafaz doa qunut sering dijadikan alasan oleh para pelajar untuk mereka meninggalkan solat subuh setiap hari.

Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar sijil bagi program di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah untuk tidak bersolat

Berdasarkan dapatan pengkaji bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar untuk tidak bersolat fardu seperti yang dinyatakan dalam soalan-soalan diatas memang wujud cuma jumlah dan peratusnya sahaja yang tinggi, sederhana atau rendah. Jika diperhatikan pada soalan 1 mendapati bahawa jumlah responden yang bersetuju dengan kenyataan “sikap malas walaupun tahu hukum “merupakan faktor mereka tidak bersolat adalah tinggi. Manakala soalan 3,5,6 mendapati jumlah responden yang bersetuju bahawa kenyataan “lemah bacaan dalam solat”, “Rakan-rakan tidak menunaikan solat” dan “sibuk dengan urusan harian/ tugas sampingan” merupakan faktor-faktor mereka tidak bersolat adalah sederhana. Manakala soalan 2 dan 4 mendapati bahawa jumlah responden yang bersetuju dengan kenyataan “Tidak tahu menunaikan solat dengan sempurna” dan “keluarga tidak mengambil berat tentang solat” merupakan faktor-faktor mereka tidak bersolat adalah rendah.

Secara ringkasnya, kajian ini mendapati bahawa sikap malas, pengaruh rakan yang tidak menunaikan solat, sibuk dengan urusan harian dan lemah bacaan dalam solat adalah merupakan faktor-faktor berimpak tinggi yang menyumbang kesan negatif kepada pelajar-pelajar untuk tidak bersolat fardu. Terdapat kajian lain yang menunjukkan faktor beban kuliah dan pengaruh rakan sebagai faktor yang tidak menggalakkan pelaksanaan ibadah solat. Hal ini menggambarkan bahawa faktor pengaruh rakan amat dominan dalam mempengaruhi pelaksanaan ibadah solat di kalangan responden (Napisah Humni *et.al*, 2004). Terdapat tiga halangan dalam melaksanakan ibadah iaitu yang pertama malas (*kasal*) mengerjakan ibadat kepada Allah, sedang setiap insan sanggup dan berupaya melakukan ibadah. Yang kedua lemah fikiran (*futur*) atau tidak memiliki tekad yang kuat kerana terpengaruh dengan kehidupan dunia dan yang ketiga iaitu bosan (*malal*) atau cepat berasa bosan melakukan ibadah sedangkan tujuan belum tercapai (Sulaiman Al-Kumayi, 2011)

KESIMPULAN

Amalan solat merupakan suatu amalan yang mulia disisi Allah SWT. Solat dapat mendidik jiwa dan rohani bagi setiap manusia. Ia juga bertujuan untuk mengangkat darjat dan martabat manusia yang sering mengamalkannya serta mencegah kita dari melakukan perbuatan keji dan mungkar. Bagi mencapai tujuan dan matlamat tersebut, solat hendaklah dilakukan dengan sepenuh tumpuan dan ikhlas dihati serta dengan penuh kecintaan terhadap Allah SWT sebagai khaliq yang menciptakan diri kita.

Penglibatan pelajar terhadap solat tidak cukup dengan hanya mewajibkan dalam bentuk penguatkuasaan semata-mata tetapi perlu diterapkan dari segi kefahaman, pelaksanaan dan juga penghayatan. Kesimpulan daripada dapatan kajian ini menunjukkan pelaksanaan solat fardhu dalam kalangan pelajar sijil bagi program di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah adalah lemah. Akan tetapi

para pelajar mempunyai pemahaman yang memuaskan dalam hal ibadah solat dan penguasaan ilmu dalam bidang ini. Ianya perlu diperkaya dan diperkukuhkan lagi samada secara tidak langsung atau melalui program-program yang dirangka khas untuk tujuan ini. Kaedah pendidikan kerohanian perlu dikaji semula dan diberi penekanan agar ianya seiring dengan kecemerlangan akademik.

Harapan dan cadangan pengkaji agar adanya inovasi yang boleh dibuat oleh para pensyarah bagi mengalakkan pelajar menunaikan ibadah solat, disamping menyediakan aktiviti-aktiviti berbentuk kem, kursus dan program yang bertujuan meningkatkan kefahaman, penghayatan dan pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar-pelajar khususnya di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah dan secara amnya di Kolej Komuniti Malaysia.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih (2010). *Tafsir Pimpinan Ar- Rahman kepada Pengertian Al- Quran*. Edisi 14. Kuala Lumpur: Darul Fikri.
- Abdullah Muhammad al-Basmih (2000). *Mastika Hadis Rasulullah*. c.6. j.2. Terbitan Bahagian Hal-Ehwal Agama, Jabatan Perdana Menteri.
- Al-andalusi, Ibn Hazmi (tt). *Al-Muhalla*. j.2. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- Bukhari al-Ju'fi, Imam Hafidz Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah bin al-Bardazbah (2001). *Shahih Bukhari*. j.1. Kaherah, Darul Manar.
- Hilmi Ismail (2010). *Pengamalan Solat Fardu di kalangan Mahasiswa di TATI University College (TATIUC) Kemaman Terengganu*. Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Hanafi Mohamed, Drs. (2006). *Hukuman Meninggalkan Sembahyang*. C.8. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Ibn Qudamah, A. M. (1968). *al-Mughni*. Cairo, Egypt, Maktabah al-Qahirah. Jawziyyah, Imam Syamsuddin Muhammad Abi Bakr Ibn al-Qayyim (1998). *al-Solah wa Hukmu Tarikuha*. c.2. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Jawziyyah, Imam Syamsuddin Muhammad Abi Bakr Ibn al-Qayyim (2006). *Rahsia Solat dan Hukum Meninggalkannya*. (Terjemahan dari Kitabus Solah Wa Hukmu Tarikuha oleh Amir Hamzah Fakhruddin & Drs.Kamaluddin Sa'diatul Haramaini) c.1. Selangor: Pustaka Dini.
- Khurasani an-Nasaei, Imam Hafidz Abdul Rahman Ahmad bin Syuaib bin Ali (2003). *Sunan An-Nasaei*, c.2. j. 1. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Mohd Suhardi Mat Jusoh (2004). *Pengabaian Solat Fardu di kalangan Remaja: Kajian di Sekolah Menengah di Sekitar Daerah Pasir Puteh, Kelantan*. Disertasi Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.
- Mustafa al-Khin et. al, Dr. (April 2004). *Al-Fiqh al-Manhaji (terjemahan)*. c. 3. J.1. Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
- Nawawi, Abi Zakariyya Bin Syaraf (t.t). *Kitab Al- Majmu' Syarah Muhadzab*. j. 1. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.



- Nawawi, Abi Zakariyya Syaraf (1994). *Syarah Sahih Muslim (Terjemahan)*. Pentahqiq: 'Isham Ash-Shababithi *et. al.* j.2. c.1. Jakarta: Dar al-Mustaqim.
- Sajastani al-Azdi, Imam Hafidz Abi Daud Sulaiman Ibn -Asy'as (1995). *Sunan Abi Daud*. j. 1. Beirut, Lubnan: Maktabah al-Asriyah.
- Syaukani, Imam Muhammad bin 'Ali (2003). *Nailul Author Syarh Muntaqal akhbar min ahadis sayyidil akhyar*. J.1.c.2. Mansoura: Dar al-Wafa'
- Tirmizi, Abu 'Isa Muhammad 'Isa bin Saurah (t.t). *Jami' al-Tirmizi*. Arab Saudi: Bait al-Afkar al- Dauliyyah
- Qursyi al-Damsyiqi, al-Hafiz Abi al-Fida' Ismail Ibn Kathir (t.t) *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*. (Ditahqiq oleh Muhammad Ali as-Sobuni) j.2. Kaherah: Dar al-Sobuni
- Qazraini, Imam Hafidz Abi Abdillah Muhammad bin Yazid (1998). *Sunan Ibn Majah*.c.1. j.1. Kaherah: Dar al- Hadith.
- Qusyairi al-Naisaburi, Imam Abu Muslim bin al-Hujjaj (1995). *Shahih Muslim*. j. 9. Beirut: Dar al- Kutub al-Ilmiyyah